

NO. SOALAN: 10

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
[LANANG]**

TARIKH : 16MAC 2016

RUJUKAN : 8601

SOALAN:

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

- (a) jumlah kes jenayah senjata api yang berlaku di Sarawak dan Sibu sejak tahun 2006 hingga 2016 dan bilangan kes yang telah disiasat, bilangan kes yang masih dalam siasatan dan bilangan telah dibawa ke mahkamah; dan
- (b) langkah yang telah dan akan diambil untuk menangani jenayah senjata api.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), Kementerian amat peka tentang apa jua situasi keselamatan dan ketenteraman awam yang berlaku dalam negara khususnya perlakuan jenayah yang melibatkan penggunaan senjata api. Umum mengetahui bahawa kebanyakan senjata api haram yang berada dalam negara dipercayai diseludup masuk ke negara ini melalui sempadan negara.

Statistik kes yang melibatkan penggunaan senjata api yang berlaku di Negeri Sarawak bagi tahun 2006 sehingga 2016 (Januari) seperti berikut:-

KONTINJEN SARAWAK	JUMLAH KES	JUMLAH KES			
		KES SELESAI	MASIH DALAM SIASATAN	DIBAWA KE MAHKAMAH	KUS/NFA
2016 (JAN)	3	3	0	0	0
2015	6	5	1	1	3
2014	11	8	3	1	3
2013	14	6	5	2	4
2012	18	8	10	4	4
2011	17	11	6	3	0
2010	9	7	2	2	3
2009	26	6	20	1	1
2008	36	14	21	1	4
2007	21	7	14	2	2
2006	27	6	21	0	2
JUMLAH	188	81	103	17	26

Statistik kes yang melibatkan penggunaan senjata api yang berlaku di Sibu, Sarawak bagi tahun 2006 sehingga 2016 (Januari) seperti berikut:-

DAERAH SIBU	JUMLAH KES	JUMLAH KES			
		KES SELESAI	MASIH DALAM SIASATAN	DIBAWA KE MAHKAMAH	KUS/NFA
2016 (JAN)	1	1	1	0	0
2015	0	0	0	0	0
2014	3	2	2	0	1
2013	4	2	3	1	1
2012	2	1	2	0	0
2011	1	1	0	0	1
2010	1	—	1	1	—
2009	2	2	1	0	—
2008	4	4	—	—	4
2007	—	—	—	—	—
2006	—	—	—	—	—
JUMLAH	18	13	10	2	7

Bagi menjawab soalan (b), pelbagai langkah telah diambil bagi mengawal kemasukan senjata api secara haram khususnya melalui sempadan negara seperti:-

- i) Mengadakan kerjasama dengan negara-negara ASEAN berkaitan *Trans border crime* yang mana agenda penyeludupan senjata api diberi perhatian serius dan setiap ahli menandatangi '*protocol against the illicit manufacturing and the trafficking in firearms, their parts and components and ammunition; supplementing the United Nations Convention against Transnational Organised Crime;*'

- ii) Menggalakkan pertukaran maklumat antara Negara ahli melalui Sekretariat ASEANAPOL atau melalui e-ADS (*Aseanapol Data System*) berkaitan penyeludupan senjata api;
- iii) Menggalakkan negara-negara ahli berkongsi pengalaman dan amalan baik dalam usaha mencegah dan membanteras penyeludupan senjata api;
- iv) Mengadakan kerjasama dengan agensi-agensi penguat kuasa dalam negara seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasaan Maritim (APMM) dan Agensi Keselamatan Sempadan (AKSEM) untuk meningkatkan lagi penguatkuasaan di sempadan Negara;
- v) Membuat perolehan untuk mesin pengimbas (*scanner machine*) yang lebih moden dan canggih untuk ditempatkan di semua pintu masuk Negara;
- vi) Mempertingkatkan lagi Ops Laras dan Ops Api bagi mengesan senjata api yang diseludup dan yang berada dalam Negara; dan
- vii) Tindakan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012, Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 dan Anti-Money

Laundering and Anti-Terrorism Financing Act 2001
(AMLATFA) akan diambil jika terbukti terdapat elemen kongsi gelap dan penyalahgunaan dadah dengan menggunakan senjata api.